

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN DALAM
TALIAN SEMASA PANDEMIK COVID-19:
PERSPEKTIF PELAJAR EKONOMI
DI SMK SIMPANG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN SEMASA PANDEMIK
COVID-19: PERSPEKTIF PELAJAR EKONOMI
DI SMK SIMPANG

YAP TSVEY PENG

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN EKONOMI

(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 22.....(hari bulan).....02..... (bulan) 20.....22

i. Perakuan pelajar :

Saya, Yap Tsvey Peng, D20181083422, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Keberkesanan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID-19: Perspektif Pelajar Ekonomi Di SMK Simpang

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Nurhanani Romli (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Keberkesanan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID-19: Perspektif Pelajar Ekonomi Di SMK Simpang

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Ekonomi) dengan Kepujian (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22/02/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PENGHARGAAN

Bersyukur dan terpuji ke atas Tuhan Yang Maha Esa yang dianugerahkan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Ekonomi) dengan Kepujian dengan pengkhususan dalam bidang Ekonomi di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Dengan kesempatan yang ada ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Nurhanani binti Romli, selaku pensyarah penyelia Projek Tahun Akhir kami. Beliau selalu memberi bimbingan, tunjuk ajar serta panduan untuk saya menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan. Dedikasi dan kerja keras beliau akan menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan seumur hidup.

Penghargaan dan ribuan terima kasih tidak tertinggi kepada ibu bapa yang saya hormat selama-lamanya. Mereka selalu memberi keyakinan, dorongan serta galakan kepada saya untuk menyiapkan tugas ini. Selain itu, tidak lupa juga sahabat seperjuangan saya, Mok Sze Wei, Firnathasya Nessa Teo dan Wee Chee Liang kerana banyak menghulurkan bantuan dan memberi nasihat bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada pihak pengetua, guru pembimbing dan pelajar-pelajar yang terlibat sepanjang pelaksanaan kajian ini. Segala kerjasama yang mereka hulurkan amatlah saya hargai kerana tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik tanpa bantuan dan sokongan mereka. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan tugas ini. Semoga Tuhan Yang Maha Esa merahmati dan memberi balasan yang baik kepada semua yang telah menghulurkan bantuan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk memerhati tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian bagi pelajar Menengah 4 yang mempelajari mata pelajaran ekonomi di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang, Perak semasa penularan wabak COVID-19. Seramai 52 orang pelajar telah menyertai dalam sepanjang kajian ini dilaksanakan. Kajian ini mengaplikasikan instrumen soal selidik bagi memperoleh data. Keputusan hasil dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, peratus, min serta sisihan piawai. Perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 26.0 akan digunakan untuk menganalisis data yang telah diperolehi. Hasil tinjauan telah menggambarkan keberkesanan pembelajaran dalam talian bagi pelajar Tingkatan 4 Ekonomi di SMK Simpang, Perak berada pada tahap yang tinggi. Justeru, hasil tinjauan menggambarkan bahawa kebanyakan pelajar menggunakan telefon bimbit dan komputer riba mengikuti kelas yang berlangsung atas talian sepanjang Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) dilaksanakan. Selanjutnya, hasil tinjauan kajian mendapati faktor guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam talian di kalangan pelajar. Penyelidikan ini memberi implikasi kepada para pendidik untuk mengaplikasikan kaedah pembelajaran dalam talian sebagai kaedah pengajaran normatif baharu bagi memastikan pematuhan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.



THE EFFECTIVENESS OF ONLINE LEARNING DURING THE COVID-19 PANDEMIC: ECONOMIC STUDENT PERSPECTIVES AT SMK SIMPANG

ABSTRACT

The purpose of this study was to observe the level of effectiveness of online learning for Secondary 4 students studying economics subjects at Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang, Perak during the COVID-19 epidemic. A total of 52 students participated in the course of this study. This study applied a questionnaire instrument to obtain data. The results of the study are presented in the form of frequency, percentage, mean and standard deviation. Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 26.0 will be used to analyze the data obtained. The results of the survey have shown that the effectiveness of online learning for Form 4 Economics students at SMK Simpang, Perak is at a high level. Thus, the results of the survey illustrate that most students use mobile phones and laptops to attend classes that take place online throughout the Teaching and Learning At Home is implemented. Furthermore, the results of the survey found that teacher factors are the main factors that influence the effectiveness of online learning among students. This research has implications for educators to apply online learning methods as a new normative teaching method to ensure compliance with the National Education Philosophy and the objectives of the Malaysia Education Development Plan 2013-2025.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Keberkesanan Pembelajaran Dalam Talian	3
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Definisi Operational	11
1.10	Penutup	13

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kajian-kajian Lepas	14
2.2.1	Kaedah Pembelajaran dalam Talian	14
2.2.2	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	17



2.2.3	Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	20
2.3	Kerangka Kajian	33
2.4	Rumusan	33
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Lokasi Kajian	35
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.4.1	Populasi Kajian	36
3.4.2	Sampel Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian	38
3.5.1	Instrumen Soal Selidik	38
3.5.1.1	Pembahagian Soal Selidik	40
3.5.1.1.1	Bahagian A	40
3.5.1.1.2	Bahagian B: Kaedah Mengakses Pembelajaran dalam Talian	41
3.5.1.1.3	Bahagian C: Faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran dalam Talian	41
3.5.1.1.4	Bahagian D: Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	44
3.5.1.2	Pengkelasan Item Soal Selidik	46
3.6	Kajian Rintis	47
3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	47
3.6.1.1	Kesahan Kajian	48
3.6.1.2	kebolehpercayaan Instrumen Kajian	48
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	51
3.8	Prosedur Analisis Data	52
3.9	Rumusan	53

**BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	54
4.2	Analisis Deskriptif Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai	55
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	55
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Umur	56
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	57
4.2.4	Taburan Responden Mengikut Lokasi Pembelajaran dalam Talian	58
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Mempunyai Komputer Riba Sendiri Yang Boleh Mengakses Internet	59
4.2.6	Taburan Responden Mengikut Menghadapi Masalah Capaian Internet Semasa Pembelajaran dalam Talian	60
4.2.7	Taburan Responden Mengikut Kemahiran ICT	61
4.2.8	Taburan Responden Mengikut Pandangan Terhadap Keperluan Pembelajaran dalam Talian	62
4.2.9	Taburan Responden Mengikut Kaedah Mengakses Pembelajaran dalam Talian	63
4.2.10	Analisis Data Kajian Terhadap Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	65
4.2.11	Analisis Data Kajian Terhadap Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	72
4.3	Rumusan	78





BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	79
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	79
5.3	Perbincangan Kajian	81
5.3.1	Kaedah Mengakses Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik COVID-19	82
5.3.2	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	84
5.3.3	Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	86
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	88
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	89
5.6	Rumusan	90



**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

2.1	Rumusan Kajian Literatur	23
3.1	Jumlah Bilangan Pelajar Lelaki dan Perempuan	36
3.2	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	37
3.3	Instrumen Kajian	38
3.4	Data Demografi Responden	40
3.5	Kaedah Mengakses Pembelajaran dalam Talian	41
3.6	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	42
3.7	Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian	44
3.8	Taburan Skala Likert	46
3.9	Pekali Saiz Cronbach Alpha	49
3.10	Cronbach Alpha dalam Kajian Rintis	50
4.1	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	55
4.2	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Umur	56
4.3	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	57
4.4	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Pembelajaran dalam Talian	58
4.5	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Mempunyai Komputer Riba Sendiri Yang Boleh Mengakses Internet	59



4.6	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Menghadapi Masalah Capaian Internet Semasa Pembelajaran dalam Talian	60
4.7	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Kemahiran ICT	61
4.8	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Pandangan Keperluan Pembelajaran dalam Talian	62
4.9	Analisis Frekuensi dan Peratusan Responden Mengikut Kaedah Mengakses Pembelajaran dalam Talian	64
4.10	Analisis Frekuensi, Peratusan, Nilai Min dan Sisihan Piawai Mengenai Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian (N=52)	68
4.11	Analisis Frekuensi, Peratusan, Nilai Min dan Sisihan Piawai Mengenai Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian (N=52)	75



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Model Interaksi Komuniti (<i>Community of Inquiry</i>)	9
2.1	Rangka Kerja Kajian	33
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	55
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	56
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	57
4.4	Taburan Responden Mengikut Lokasi Pembelajaran dalam Talian	58
4.5	Taburan Responden Mengikut Mempunyai Komputer Riba Sendiri Yang Boleh Mengakses Internet	59
4.6	Taburan Responden Mengikut Menghadapi Masalah Capaian Internet Semasa Pembelajaran dalam Talian	60
4.7	Taburan Responden Mengikut Kemahiran ICT	61
4.8	Taburan Responden Mengikut Pandangan Terhadap Keperluan Pembelajaran dalam Talian	62
4.9	Taburan Responden Mengikut Kaedah Mengakses Pembelajaran dalam Talian	64
4.10	Hasil Dapatan Purata Min bagi Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian (N=52)	71
4.11	Hasil Dapatan Purata Min bagi Tahap Keberkesanan Pembelajaran dalam Talian (N=52)	78



SENARAI SINGKATAN

BDR	Bekerja Dari Rumah
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAK 21	Pembelajaran Abad ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidik

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pandemik COVID-19 atau pandemik koronavirus merupakan sejenis penyakit berjangkit yang sedang menular secara meluas dan aktif di seluruh dunia. Pandemik ini secara global berlaku adalah disebabkan oleh koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). COVID-19 berjangkit melalui sentuhan pada permukaan yang dicemari virus dan titisan pernafasan iaitu batuk dan bersin daripada individu yang telah dijangkiti kepada individu lain (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Kes pertama COVID-19 pada mulanya telah dijumpai di Wuhan, China pada pertengahan bulan Disember 2019, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2020), kes pertama yang telah didapati di Malaysia adalah kes import iaitu pelancong China yang tiba di Malaysia melalui Singapore pada 24 Januari 2020. Walau bagaimanapun, penularan COVID-19 secara meluas di seluruh dunia termasuklah Malaysia telah memberi cabaran dan impak besar terhadap aspek kesihatan, sosial, ekonomi, pendidikan dan budaya.

Pada 18 Mac 2020, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diisytiharkan dan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi membendung pencegahan COVID-19. Pada mulanya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan selama dua minggu iaitu bermula dari 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, gelombang ketiga COVID-19 telah mempengaruhi Malaysia dengan mencatat 4 digit kes harian sejak akhir November 2020. YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 iaitu bermula 13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021 terhadap beberapa negeri iaitu Penang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Johor dan Sabah. Namun begitu, jumlah kes harian COVID-19 yang berlaku di Malaysia telah mencatat 4 digit pada setiap hari. Oleh itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 telah berkuatkuasa bermula pada 25 Mei 2021 sehingga nilai ambang Pelan Pemulihan Negara (PPN) kurang daripada 4,000 kes. Oleh itu, semua institusi pendidikan termasuk taska, sekolah kerajaan, sekolah swasta dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) perlu ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Penutupan sekolah dan universiti adalah untuk memastikan keselamatan di kalangan pelajar, guru, pensyarah dan masyarakat sekeliling. Bagi memastikan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tidak ditangguhkan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan iaitu pelaksanaan pembelajaran dalam talian dengan menggantikan pengajaran secara fizikal atau bersemuka dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Dengan demikian, teknologi terkini merupakan laluan dan kaedah terbaik bagi melaksanakan pembelajaran secara atas talian khususnya dalam tempoh wabak COVID-19.

Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian merupakan satu keperluan dan norma baru bagi institusi pendidikan di Malaysia khususnya dalam keadaan wabak COVID-19 bagi menyampaikan pengajaran. Dalam era globalisasi ini, teknologi terkini membawa erti yang besar dalam pendidikan. Tidak dinafikan bahawa *Information and Communications Technology* (ICT) memainkan peranan yang penting terhadap pembelajaran dalam talian khususnya dalam keadaan pandemik COVID-19. Terdapat himpunan koleksi aplikasi media pembelajaran yang berguna untuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Antara aplikasi media pembelajaran adalah seperti *Google Meet*, *Telegram*, *Google Classroom* dan

sebagainya. Walau bagaimanapun, faktor-faktor seperti aspek capaian internet dan aspek persekitaran perlu ditimbangkan supaya pembelajaran secara atas talian dapat dijalankan dengan lebih lancar dan efektif.

Dalam masa yang sama, sebagaimana ketahui kaedah pengajaran dan pembelajaran ini telah memberi cabaran kepada guru untuk menghadapi normalisasi baru ini. Menurut Nur Hazirah Hairia'an dan Masayu Dzainudin (2020), guru sukar untuk memastikan semua pelajar memberi maklum balas serta bekerjasama yang baik. Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dapat dilaksanakan secara efektif, komunikasi guru antara ibu bapa amatlah penting. Dengan ini, guru perlu menyediakan maklumat yang teratur seperti nota kuliah dan latihan serta menyediakan tapak forum supaya mereka dapat berkomunikasi. Hakikatnya, semua maklumat ini amat membantu dan penting di kalangan pelajar bagi menjana minda positif terhadap pembelajaran dalam talian. Ini secara langsung dapat mendorong pelajar terlibat diri dalam pembelajaran aktif dan akhirnya Pengajaran Dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dapat dijalankan dengan lebih efektif.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Keberkesanan Pembelajaran Dalam Talian

Dalam era teknologi modern kini, perkembangan ICT tidak dinafikan membawa transformasi dalam bidang pendidikan ke arah pedagogi dan andragogi secara digital (Mohamad Idham Md Razak, 2020). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian telah lama dilaksanakan di Malaysia. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog (Frog VLE) dan Pelantar Pembelajaran Digital. Dalam pada itu, pihak sekolah perlu merancang dan mempersiapkan transformasi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) daripada dasar baru ini supaya proses pengajaran berpusatkan kepada pelajar dan ICT. Ini dapat dilihat bahawa pelaksanaan dasar oleh KPM telah sedikit sebanyak membawa kesannya dalam meningkatkan pembelajaran dalam talian ini.



Perkembangan teknologi khususnya perkembangan ICT telah mencabar konsep dan teori pendidikan tradisional terutamanya dari segi konsep bilik darjah dan kaedah pengajaran (Hunt, 2004; Resnick dan Wirth, 1996). Hasil kajian menurut Munirah Salleh, Mohd Faisal Jamaludin, Noor Syaheeda Mohd Safie dan Julia Mohd Yusof (2021) telah menunjukkan bahawa kebanyakan responden memilih pembelajaran tradisional iaitu secara bertemu muka berbanding dengan pembelajaran norma baru iaitu secara dalam talian. Hal ini adalah kerana pembelajaran secara bersemuka lebih mencapai kefahaman serta meningkatkan semangat belajar walaupun pembelajaran dalam talian dianggap memuaskan. Walau bagaimanapun, seseorang yang mempunyai kemudahan peralatan seperti komputer riba serta aliran internet dapat menerima pembelajaran dalam talian dengan lebih baik.

Kajian menurut Munirah Salleh et al. (2021) telah memberi petunjuk bahawa kebanyakan pelajar yang mengikuti kursus Sains Kejuruteraan di Politeknik Ibrahim Sultan akan menggunakan telefon bimbit iaitu sebanyak 33.6% bagi mengakses pembelajaran secara dalam talian. Munirah Salleh et al. (2021) juga telah menunjukkan bahawa pembelajaran dalam talian dapat dijalankan dengan baik dan berkesan sekiranya kemudahan peralatan seperti aspek aliran internet dan komputer riba berada pada tahap yang baik. Hasil kajian Rano Kurniawan, Henderi dan Fitria Nursetianingsih (2012) menunjukkan e-pembelajaran banyak memberi manfaat dan kelebihan dalam pembelajaran. Hal ini adalah kerana e-pembelajaran dapat diakses di mana-mana tempat sahaja mengikut masa kesesuaian sendiri. Sementara itu, kajian menunjukkan pembelajaran talian mampu melatih pelajar supaya mereka lebih berdikari. Oleh hal yang demikian, pembelajaran dalam talian boleh menjadikan seseorang pelajar lebih produktif dan berkeyakinan dalam pembelajaran mereka.

Penyelidikan terdahulu telah banyak membahaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dalam talian. Kajian lepas menurut Hazwani Mohd Najib, Noor Raudhiah Abu Bakar dan Norziah Othman (2017) menyatakan bahawa keseluruhan faktor adalah penting dalam mempengaruhi keberkesanan penggunaan dan penerimaan e-pembelajaran. Hazwani Mohd Najib et al. (2017) telah mengutarakan antara faktor sifat sendiri pelajar merupakan elemen penting dan paling signifikan dalam mempengaruhi keberkesanan penggunaan e-pembelajaran. Bagi





memastikan e-pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar, aspek sambungan internet perlu sentiasa berada pada tahap yang memuaskan.

Kajian-kajian lepas menurut Agatha F. Umbit dan Muhamad Suhaimi Taat (2016) telah mendapati bahawa tahap penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar Institusi Pendidikan Guru di Sarawak berada pada tahap sederhana. Lebih-lebih lagi, hasil kajian menunjukkan bahawa tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna merupakan faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan e-pembelajaran di kalangan pelajar. Lain daripada itu, faktor-faktor lain yang akan menyebabkan pelajar mengurangkan minat terhadap e-pembelajaran adalah seperti capaian internet lambat, laman sesawang e-pembelajaran yang kurang menarik dan sebagainya (Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat, 2016).

Sehubungan dengan itu, pembelajaran secara atas talian adalah semakin berkembang dan digunakan dengan meluas di kalangan pelajar dalam keadaan pandemik COVID-19 ini. Oleh hal yang demikian, keberkesanan pembelajaran dalam talian bukan hanya bergantung kepada pendidik, malah kepada semua pihak seperti pelajar, ibu bapa dan sebagainya.

1.3 Pernyataan Masalah

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di Malaysia pada 18 Mac 2020 bagi memutuskan rangkaian jangkitan virus COVID-19. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah sedikit sebanyak mengubah gaya kehidupan rakyat kerana rakyat dinasihatkan bekerja dari rumah (BDR) atau dipanggil *work from home*. Pada waktu yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan kaedah pembelajaran dalam talian dalam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mencegah penularan virus COVID-19. Tidak dinafikan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan satu keperluan kepada tenaga pengajar dan pelajar dalam keadaan ini. Proses penyampaian ilmu boleh menerusi platform digital seperti *Google Meet*, *Telegram*, *Whatsapp* dan sebagainya. Oleh itu, Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang (SMK Simpang) telah melaksanakan pengajaran



dan pembelajaran secara dalam talian dengan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai suatu norma baru bagi memastikan sesi pembelajaran tidak tertangguh.

Walau bagaimanapun, kaedah pembelajaran secara atas talian yang dilaksanakan dalam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi rintangan baharu, bukan sahaja kepada warga pendidik dan pelajar, malah kepada ibu bapa. Kajian lepas menurut Mahathir Yahaya dan Wardatul Hayat Adnan (2021) telah memberi petunjuk bahawa pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah menghadapi cabaran dalam proses pembelajaran dalam talian. Kajian ini telah mendapati bahawa sebahagian besar pelajar IPTA menghadapi masalah capaian kepada kemudahan internet, tahap keberkesanan pembelajaran yang rendah, suasana pembelajaran yang tidak kondusif dan kos internet yang tinggi. Namum begitu, pelbagai bantuan telah disediakan oleh pihak kementerian, universiti dan kerajaan bagi meringankan beban pelajar. Antara bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan adalah seperti Bantuan Prihatin iaitu sebanyak RM 200 kepada semua pelajar IPTA.

Di samping itu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian telah memberi rintangan kepada semua pihak termasuklah ibu bapa, malah guru dan pelajar bagi terpaksa mengikuti kaedah pengajaran moden ini. Menurut Chipmore (2020) menyatakan bahawa kesukaran capaian kemudahan internet merupakan cabaran yang paling biasa dihadapi oleh pelajar. Justeru, perubahan model pengajaran ini akan menyebabkan pelajar sukar mengikuti kelas secara talian, khususnya terhadap pelajar yang kurang berkemampuan memiliki komputer atau telefon pintar. Suasana pembelajaran yang kurang selesa dan pelajar yang belum bersedia sepenuhnya juga merupakan kekangan dalam kaedah pembelajaran dalam talian.

Menurut Siti Nurbaizura Che Azizan dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020), seseorang guru menghadapi cabaran bagi mencapai komunikasi dua hala di kalangan pelajar apabila kaedah pengajaran dalam talian dilaksanakan. Pelajar yang tidak disiplin serta bersikap sambil lewa akan menyusahkan guru bagi mengikuti pembelajaran dan perkembangan pelajar. Dalam era yang moden ini, teknologi

berkembang dengan pesat dan cepat. Namun begitu, sesetengah guru akan menghadapi masalah bagi menguasai sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi yang canggih. Selain itu, guru akan menghadapi kekangan terhadap keberkesanan penyampaian dan pengajaran secara dalam talian (Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2020).

Dalam kajian Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin dan Zulkurnain Hassan (2021) memberi petunjuk bahawa kaedah pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian merupakan alternatif terbaik bagi membantu mengurangkan penularan virus COVID-19. Kajian telah membuktikan bahawa kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam talian menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi bagi memberi peluang dan kesempatan kepada generasi akan datang dengan proses komunikasi serta aktiviti pembelajaran yang lebih baik tanpa mengira faktor-faktor lain seperti tempat dan masa. Dengan ini, pembelajaran secara atas talian merupakan alternatif terbaik khususnya dalam keadaan pandemik ini bagi membasmi penularan wabak COVID-19 dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif tersebut:

1. Mengenal pasti kaedah pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19.
2. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam talian terhadap pelajar SMK Simpang semasa pandemik COVID-19.
3. Menganalisis tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian di kalangan pelajar Ekonomi SMK Simpang semasa pandemik COVID-19 .

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab beberapa persoalan berikut:

- 1.5.1 Apakah kaedah pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19?
- 1.5.2 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam talian terhadap pelajar SMK Simpang semasa pandemik COVID-19?
- 1.5.3 Apakah tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian di kalangan pelajar Ekonomi SMK Simpang semasa pandemik COVID-19?

1.6 Kepentingan Kajian


Tujuan kajian ini adalah mengkaji tahap keberkesanan pembelajaran yang berlangsung secara atas talian semasa wabak pandemik di kalangan pelajar Tingkatan 4 yang mengambil subjek Ekonomi di SMK Simpang. Terdapat beberapa kepentingan dapatan yang diperoleh melalui kajian ini. Antaranya, kajian ini penting untuk membantu penyelidik bagi mengenal pasti tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian di kalangan pelajar SMK Simpang khususnya pelajar Ekonomi Tingkatan 4 semasa pandemik COVID-19.

Seterusnya, kajian ini diharap menjadi panduan kepada guru bagi merancang kurikulum serta merangka strategi pengajaran yang sesuai kepada pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlangsung secara atas talian dapat dijalankan dengan berkesan dan efektif. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat mempertingkatkan kualiti pengajaran guru dan seterusnya membantu peningkatan kualiti pendidikan di Malaysia. Justeru, kajian ini dapat membantu mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran dalam talian, sekali gus dapat meningkatkan prestasi sekolah.

Lebih-lebih lagi, penyelidikan ini sesuai dijadikan sebagai bahan-bahan rujukan untuk strategi pendidikan kepada mana-mana pihak yang berminat menjalankan

penyelidikan yang lebih mendalam pada masa depan. Akhir sekali, hasil dapatan kajian yang diperoleh turut dapat menyumbang keperluan kepada mana-mana jabatan kerajaan bagi menjalankan penyelidikan supaya meningkatkan tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian terhadap pelajar semasa situasi jangkitan penyakit COVID-19. Sebagai penutup wacana, hasil dapatan kajian diharapkan dapat memberi manfaat kepada mana-mana pihak yang penting seperti pihak pentadbir pendidikan, guru dan pelajar dalam dunia modern ini.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Model Interaksi Komuniti. Diadaptasi dari Garrison et al., 2008

Rajah 1 telah menunjukkan kerangka kajian yang berasaskan Model Interaksi Komuniti. Model Interaksi Komuniti merupakan satu model yang telah dimodelkan oleh Garrison, Anderson dan Archer (1999) sebagai model pengalaman terhadap pembelajaran dalam talian. Model ini menerangkan bahawa bagaimana berlaku pengalaman pembelajaran dalam talian yang diterapkan kepada sekumpulan pelajar.

Model ini telah dibina berdasarkan tiga elemen utama iaitu (1) interaksi pengajaran guru (*teaching presence*), (2) interaksi guru antara pelajar (*social presence*), dan (3) interaksi kognitif terhadap bahan-bahan kursus dalam talian (*cognitive presence*) seperti yang ditunjukkan di rajah 1. Elemen interaksi sosial (*social presence*) merupakan salah satu elemen yang penting dalam model CoI dengan menjelaskan bagaimana komunikasi berlaku di antara guru dan pelajar melalui media tertentu. Aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan melalui kaedah pembelajaran dalam talian adalah seperti sesi pengenalan diri dengan menggunakan perbincangan atau forum.

Secara khususnya, model interaksi komuniti merupakan salah satu model yang sangat popular bagi kaedah pembelajaran dalam talian. Ini adalah kerana model ini sangat interaktif antara guru dengan pelajar yang menggunakan persidangan video. Oleh itu, pangkaji telah menggunakan model interaksi komuniti (CoI) dalam kajian ini bagi mengkaji tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar Ekonomi di SMK Simpang.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dikaji adalah terbatas kepada bidang pendidikan sahaja iaitu berfokus kepada keberkesanan pembelajaran secara atas talian semasa tempoh virus COVID-19. Dalam masa yang sama, kajian adalah dilaksanakan sepenuhnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang yang terletak di Simpang, Perak. Pemilihan SMK Simpang dalam kajian ini adalah kerana SMK Simpang merupakan sebuah sekolah yang berbilang kaum di mana pelajar-pelajar terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Keistimewaan SMK Simpang telah menjadi sekolah ini sesuai dikaji dan selidik dalam kajian ini.

Pemilihan responden telah berfokus kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang sedang mengambil subjek Ekonomi. Dengan ini, seramai 60 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Menurut Kerjcie dan Morgan (1970) menunjukkan bahawa penentu saiz sampel hanya mendapat 52 sampel daripada 60 populasi yang terlibat

dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, kajian tidak terlibat kepada semua pelajar di SMK Simpang.

Lebih-lebih lagi, kaedah kutipan data yang akan diaplikasikan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kaedah kuantitatif di mana instrumen soal selidik akan diaplikasikan bagi mengumpul pendapat responden tentang keberkesanan pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh wabak COVID-19. Dengan ini, responden diminta untuk menunjukkan kejujuran dan keikhlasan bagi memberi maklum balas dengan membuat pilihan berdasarkan pernyataan yang dikemukakan dalam borang soal selidik.

1.9 Definisi Operasional

Beberapa definisi istilah telah digunakan dalam kajian ini:

i. Keberkesanan

Menurut Khalid (1993) dalam bukunya yang bertajuk ‘Kaedah Pembelajaran Berkesan’, keberkesanan dirujuk sebagai usaha yang teratur, sistematik, berdisiplin, dan optimum yang mengintegrasikan dan menggunakan semua komponen pembelajaran untuk kejayaan maksimum dan terbaik. Selain itu, Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) telah menunjukkan keberkesanan ialah perihal keberkesanannya, keberkesanannya (suatu tindakan, perubahan, dsb.), sesuatu tindakan boleh dilihat daripada hasil yang diperolehi selepasnya. Dalam kajian ini, keberkesanan merujuk kepada keberkesanan pembelajaran dalam talian terhadap pelajar Ekonomi Tingkatan 4 di SMK Simpang dalam sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

ii. Pembelajaran

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1988), pembelajaran berlaku apabila seseorang itu mempamerkan perubahan tingkah laku daripada tidak mengetahui sesuatu kepada mengetahui sesuatu, seseorang itu dikatakan telah mengubah dirinya selepas



mempelajari sesuatu. Manakala menurut Bigge (1982) dalam bukunya yang bertajuk '*Learning Theories for Teachers*', pembelajaran merujuk kepada beberapa perubahan sistematik dalam tingkah laku atau susunan tingkah laku yang berlaku hasil daripada pengalaman dalam situasi tertentu.

Menurut Abd. Rahman Md. Aroff dan Zakaria Kasa (1994), konsep pembelajaran boleh dikatakan sebagai aktiviti yang menyebabkan seseorang itu berubah, tetapi perubahan itu bukanlah perubahan kerana tujuannya lebih semula jadi dan tidak praktikal. Proses pembelajaran mesti mempunyai sesuatu matlamat yang jelas dan nyata iaitu ternyata sesuatu penguasaan yang telah dipelajari.

iii. Dalam Talian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), dalam talian ialah keadaan yang dikawal secara langsung oleh unit pemprosesan utama komputer. Di samping itu, keadaan dalam talian juga berada dalam keadaan aktif dan bersambung terus pada sistem utama komputer. Terdapat beberapa aplikasi bagi pembelajaran dalam talian iaitu *Google Meet*, *Cisco Webex*, *Zoom* dan sebagainya. Antara aplikasi yang digunakan terhadap pembelajaran dalam talian dalam keadaan COVID-19 adalah dikira sebagai bersamaan dengan pertemuan secara bersemuka.

iv. Infrastruktur

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Infrastruktur ialah infrastruktur dan perkhidmatan yang diperlukan oleh sesebuah negara untuk berkembang dan berkembang, seperti pengangkutan, pendidikan, kesihatan, dan pelbagai kemudahan lain. Dalam kajian ini, infrastruktur ICT akan terlibat dan digunakan. Sementara itu, pelajar-pelajar SMK Simpang akan sepenuhnya menggunakan infrastruktur ICT sepanjang tempoh pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19.





1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, bab 1 telah membincangkan tentang pengenalan dan hala tuju terhadap kajian yang hendak dijalankan di mana kajian ini berfokus kepada tahap keberkesanan pembelajaran secara atas talian ketika krisis COVID-19 dalam kalangan pelajar yang mengambil subjek Ekonomi di SMK Simpang. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pembelajaran dalam talian serta mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran secara atas talian semasa pandemik COVID-19. Selanjutnya, kajian yang dilaksanakan berikut akan menganalisis tahap keberkesanan pembelajaran dalam talian di kalangan pelajar Ekonomi SMK Simpang semasa pandemik COVID-19. Model interaksi komuniti (CoI) juga akan diaplikasikan dalam kajian ini sebagai satu model pengalaman terhadap pembelajaran dalam talian.

